

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	6 APRIL 2016

## Kedudukan Najib sebagai Perdana Menteri masih kukuh

**KUALA LUMPUR 5 April** - Kegagalan pakatan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pembangkang menarik sokongan rakyat membuktikan kedudukan Datuk Seri Najib Tun Razak masih kukuh.

Menurut Kumpulan Nomura, inisiatif mengumpul sejuta tandatangan bagi mendesak Najib berundur daripada jawatan Perdana Menteri menunjukkan kepincangan strategi pakatan tersebut.

Firma perkhidmatan kewangan yang berpangkalan di Jepun itu memberitahu, banyak pihak termasuk Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah menyatakan bahawa tiada peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada Yang di-

Pertuan Agong untuk mengarahkan Perdana Menteri meletak jawatan.

"Kami percaya Najib tidak akan akur dengan tuntutan sedemikian, seperti yang dapat dilihat melalui perkembangan politik tahun lalu," kata Kumpulan Nomura dalam kenyataan melalui laman web miliknya (<https://www.nomuranow.com>) hari ini.

Himpunan anti-cukai barang dan perkhidmatan (GST) anjuran pembangkang yang turut disertai Dr. Mahathir Sabtu lalu disifatkan gagal sepenuhnya apabila cuma dihadiri kira-kira 1,800 orang, berbanding sasaran awal sebanyak 10,000 orang.

Kumpulan Nomura berpandangan, tindakan Presiden PKR, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail men-

jauhkan diri daripada Dr. Mahathir bukan sesuatu yang mengejutkan.

Menurut firma tersebut, sebahagian besar pemimpin pakatan pembangkang masih meragui niat sebenar Dr. Mahathir mencetuskan gerakan menjatuhkan Perdana Menteri.

"Dr. Mahathir memberi jawapan yang kurang jelas apabila ditanya siapakah yang akan menggantikan Najib sebagai Perdana Menteri dan sama ada Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dibebaskan sekiranya gerakan itu berjaya," kata Kumpulan Nomura.

Sementara itu, Kumpulan Nomura yakin Barisan Nasional (BN) akan menang besar dalam pilihan raya negeri Sarawak.